

Usaha tentang pembangunan bandaraya tak realistik - PM

PETALING JAYA 7 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata bahawa adalah tidak realistik bagi sesiapa cuba menentang usaha membangunkan bandaraya Kuala Lumpur semata-mata kerana ingin mengekalkan ciri-ciri keindahan lama. Katanya, tidak semua yang boleh dikekalkan kerana kepentingan 'kenang-kenangan' dan kepuasan golongan tertentu.

Dalam pada itu, menurut Perdana Menteri, pembangunan juga tidak semestinya bermakna mendedahkan keburukan dan pencemaran.

Berucap di majlis makan malam tahunan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) di Hotel Hilton di sini, beliau berkata, oleh yang demikian, kerajaan telah sedaya-upaya cuba mengekalkan mercu tanda yang ada di bandaraya Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya juga

sedang berusaha mengindahkan kawasan sekitar dengan tumbuh-tumbuhan dan pokok bunga.

Menurutnya, banyak lagi yang mungkin perlu dilakukan, bagaimanapun beliau percaya usaha-usaha yang telah dijalankan berjaya menyelamatkan Kuala Lumpur dari hanya membangun sebagai kumpulan kotak-kotak mancis yang didirikan tegak.

Bertentangan dengan pandangan golongan pencinta alam, Perdana Menteri berkata, golongan pemaju dan tuan punya tanah pula mempunyai kecenderungan yang lain, iaitu untuk mendapatkan seberapa banyak keluasan yang boleh untuk projek mereka.

Golongan ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, tidak mepedulikan soal kesesakan dan keburukan kerana yang penting bagi mereka ialah pendapatan yang semaksimum mungkin.

Oleh itu, kata beliau, muncullah bangunan-bangunan tinggi yang terlalu rapat tanpa memberi sebarang ruang kepada tanaman hijau.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, kerajaan akan bersikap adil kepada kedua-dua golongan tersebut sama ada dari golongan pencinta alam mahupun para pemaju.

Katanya, walaupun kerajaan sibuk dengan usaha membangunkan kawasan luar bandar, ia tidak lupa akan tanggungjawabnya kepada pembangunan di kawasan perbandaran.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, akhir-akhir ini kerajaan sedang meninjau kesan-kesan pembangunan yang berkembang di bandar-bandar di seluruh negara.

Kata beliau, kajian menunjukkan bahawa untuk mengimbangi iklim panas antara ruang dalam bangu-

nan dengan kawasan perkawannya di luar, adalah wajar jika penggunaan kaca yang memantulkannya balik dimansuhkan tetapi langkah ini adalah bagi tempoh jangka pendek.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengkaji kesesuaian sebuah agensi untuk menyelidik soal membangunkan Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain sebagai bandaraya moden tanpa menjejaskan kepentingan alam semulajadinya.

Sementara itu, beliau menggesa semua pemilik bangunan, para arkitek dan pereka seni pemandangan alam supaya menumpukan perhatian dan sokongan kepada penanaman tumbuh-tumbuhan dan usaha pengindahan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyingkap kembali bahawa Kuala Lumpur suatu masa dulu didirikan dengan barisan kedai-kedai berka-

kilima, membolehkan orang ramai berjalan kaki dari satu tempat ke tempat lain tanpa terkena panas atau hujan.

Sekarang, tambah beliau, suasana tersebut sudah semakin luput dan digantikan dengan bangunan yang berdiri tegak dengan podium dan menara.

Perdana Menteri menjejaskan perkara tersebut tidak ditimbulkan dengan tujuan supaya bangunan bentuk lama itu didirikan semula tetapi sebagai ingatan kepada pemaju bahawa masalah aliran orang ramai dari satu bangunan ke bangunan lain tanpa terlalu didedahkan perlu diambil perhatian.

Beliau menarik perhatian, setengah-setengah negara asing mempunyai terowong dan jalan bawah tanah (subways) sebagai penghujung antara bangunan.

Di negara-negara tropikal, tambah Perdana Men-

teri, konsep subway dan terowong mungkin tidak begitu sesuai tetapi ada kemungkinan ruang bagi orang yang berjalan kaki yang bertutup dan pokok-pokok rendah boleh menyelesaikan masalah tersebut.

Mengenai pertumbuhan bangunan-bangunan baru sekarang, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa adalah bahaya bagi mana-mana pihak terlibat dalam pertumbuhan yang berlebihan di sektor tersebut.

Katanya, selain dari masalah untuk membayar balik pinjaman, banyak masalah boleh wujud kerana gejala pertumbuhan bangunan yang berlipat ganda bilangannya.

Akhirnya, menurut beliau, kadar sewa bangunan mungkin perlu diturunkan dan yang rugi ialah pemaju itu sendiri.